

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

<p>Sila baca Lembaran Penyataan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Pembelian Bil Keluar-i / Pembelian Terus Bil Keluar-i. Sila pastikan anda juga membaca terma dan syarat muktamad di dalam Surat Tawaran ("LO") dan/atau Perjanjian Kemudahan. Anda diingatkan supaya sentiasa mendapatkan nasihat undang-undang bebas. Sila dapatkan penjelasan daripada wakil sah AmBank Islamic Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma umum yang dinyatakan di sini.</p>	<p>AmBank Islamic Berhad</p> <p>Pembelian Bil Keluar-i / Pembelian Terus Bil Keluar-i</p> <p>Tarikh: 01 September 2023</p>																
<p>1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini? Pembelian Bil Keluar-i ("OBP-i") / Pembelian Terus Bil Keluar-i ("DOBP-i") adalah kemudahan pembiayaan jangka pendek ("Produk" / "Kemudahan") untuk membiayai jualan / eksport barangan yang mana AmBank Islam ("Bank") membeli hutang daripada anda.</p>																	
<p>2. Apakah konsep Syariah yang digunakan? Konsep Syariah yang digunakan untuk OBP-i/DOBP-i ialah <i>Bai 'Dayn</i>. <i>Bai 'Dayn</i> adalah penjualan hutang. Ia merujuk kepada penjualan hutang (secara tunai) yang terhasil daripada pembayaran tertangguh dalam transaksi perdagangan. Ia adalah kemudahan pembiayaan yang mana Bank membeli hak pelanggan terhadap hutang, yang biasanya disekuritisasikan dalam bentuk bil pertukaran.</p>																	
<p>3. Apakah yang akan saya dapat daripada produk ini?</p> <p>Anda akan diberikan kemudahan yang boleh membantu membiayai modal kerja perniagaan anda dengan ciri-ciri utama seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Tempoh: sehingga 180 hari (b) Struktur Kadar Keuntungan: Tetap (Diukur rujuk sekali berdasarkan kepada Kadar Kos Dana Islam ("COF") atau kadar rujukan lain yang berkaitan). (c) Mata Wang: Ringgit Malaysia atau mata wang asing yang boleh diterima oleh Bank <p><u>Formula pengiraan Harga Belian (jumlah pembiayaan):</u> Harga Belian = Nilai Invois tolak jumlah keuntungan</p> <p><u>Formula pengiraan jumlah keuntungan:</u> Jumlah Keuntungan = Nilai Invois x Kadar keuntungan x Tempoh / 365*</p> <p>Nota: *Konvensyen kiraan hari hendaklah mengikut tahun lompat</p> <p>Ilustrasi:</p> <table border="1" data-bbox="203 1163 1097 1409"> <tr> <td>Nilai Invois</td> <td>RM100,000</td> </tr> <tr> <td>Tempoh</td> <td>90 days</td> </tr> <tr> <td>Kadar keuntungan</td> <td>4.25%</td> </tr> <tr> <td>Kiraan hari dalam setahun</td> <td>365 days</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Keuntungan</td> <td>RM1,047.95</td> </tr> <tr> <td>Harga Belian</td> <td>RM98,952.05</td> </tr> <tr> <td>Kadar Komisen</td> <td>0.1% daripada nilai Invois</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Komisen</td> <td>RM300</td> </tr> </table> <p>Jumlah Pengeluaran = Harga Belian tolak Komisen Penerimaan tolak caj-caj lain (jika berkenaan)</p>		Nilai Invois	RM100,000	Tempoh	90 days	Kadar keuntungan	4.25%	Kiraan hari dalam setahun	365 days	Jumlah Keuntungan	RM1,047.95	Harga Belian	RM98,952.05	Kadar Komisen	0.1% daripada nilai Invois	Jumlah Komisen	RM300
Nilai Invois	RM100,000																
Tempoh	90 days																
Kadar keuntungan	4.25%																
Kiraan hari dalam setahun	365 days																
Jumlah Keuntungan	RM1,047.95																
Harga Belian	RM98,952.05																
Kadar Komisen	0.1% daripada nilai Invois																
Jumlah Komisen	RM300																
<p>4. Apakah peranan dan tanggungjawab saya?</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Anda hendaklah memastikan nilai invois diselesaikan pada tarikh matang. (b) Anda dikehendaki memastikan dana yang mencukupi dalam akaun semasa anda dengan kami untuk mendebit pembayaran pembiayaan dan fi dan caj yang dikenakan. (c) Anda dikehendaki memastikan aset / barangan anda dalam invois adalah patuh Syariah. (d) Anda dikehendaki memastikan had kemudahan anda adalah aktif dan mencukupi untuk digunakan. 																	

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK
5. Apakah fi dan caj yang dikenakan?

No.	Jenis Fi dan Caj	Tarif
1.	Komisen	0.1% daripada amaun bil. Min: RM50, Max: RM100 (Bil dalam Mata Wang Asing); RM300 (Bil dalam RM)
2.	Komisen Tanpa Rekursa	Tambahan 0.1% sebulan/kadar yang dipersetujui; Min: RM100
3.	Bayaran SWIFT	Untuk akaun pelanggan <ul style="list-style-type: none"> • Di Malaysia: RM20 rata • Di luar Malaysia: RM40 rata Untuk akaun rakan niaga asing - bersamaan USD20
4.	Komisen sebagai ganti Pertukaran Mata Wang Asing yang diselesaikan dalam Mata Wang Asing	0.1% daripada nilai invois; Min: RM50, Max: RM300
5.	Pembayaran RENTAS / GIRO Antara Bank	RM2 rata
6.	Pos / Pos Berdaftar	<ul style="list-style-type: none"> • Dalam Malaysia: RM5 rata • Di luar Malaysia: RM20 rata
7.	Perkhidmatan Kurier	<ul style="list-style-type: none"> • Dalam Malaysia: RM15 rata • Di luar Malaysia: Bergantung kepada destinasi
8.	Duti Setem	Seperti terkandung dalam Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)

Sebut harga fi dan caj yang dinyatakan adalah tidak termasuk apa-apa cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada, cukai barang dan perkhidmatan, cukai tambah nilai, cukai penggunaan, cukai pengguna, cukai tidak langsung, cukai perkhidmatan, cukai jualan, duti, levi atau apa-apa cukai lain ("Cukai") yang mungkin sekarang atau selepas ini dikenakan Kerajaan Malaysia.

6. Bagaimana sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?

- (a) Sekiranya anda enggan atau gagal melaksanakan kewajipan kewangan atau apa-apa kewajipan lain di bawah kemudahan anda, Bank berhak untuk mengisytiharkan kes ingkar yang mana kemudahan itu akan ditamatkan dan anda hendaklah membayar kepada Bank semua jumlah tertunggak di bawah kemudahan ini.
- (b) Sebagai tambahan kepada perkara di atas, sekiranya anda enggan atau gagal membayar apa-apa jumlah pembayaran pada tarikh matang, anda hendaklah membayar caj pembayaran lewat ke atas jumlah yang terhutang dan tidak dibayar pada kadar berikut:

No.	Tempoh Berkenaan	Kadar Caj Lewat Bayar	Ke atas Amaun
1	Sebelum tarikh matang.	1% setahun dikira atas baki harian.	Baki tertunggak yang dikira dari tarikh pembatalan sehingga penyelesaian penuh baki tertunggak.
2	Selepas tarikh matang.	Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam ("IIMM") setahun dikira atas dasar baki harian.	Baki tertunggak yang dikira dari tarikh matang sehingga penyelesaian penuh.
3.	Apabila Bank telah mendapat penghakiman terhadap Pelanggan.	Pada kadar IIMM setahun yang dikira atas dasar baki harian dari tarikh penghakiman mahkamah sehingga tarikh penyelesaian.	Baki tertunggak (tidak termasuk kos guaman dan caj lewat bayar seperti yang dinyatakan di dalam penghakiman) yang dikira dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh jumlah penghakiman.

Nota:

- Caj lewat bayar tidak boleh dikompaun.
 - Jumlah caj lewat bayar tidak boleh melebihi amaun prinsipal tertunggak.
 - Caj lewat bayar dan kaedah pengiraan adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.
 - Baki tertunggak merujuk kepada baki prinsipal dan keuntungan diperoleh.
 - Caj lewat bayar adalah kumulatif dan tertakluk kepada tempoh berkenaan.
- (c) Hak untuk tolak-selesai: Bank berhak untuk menolak-selesai mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang dikendalikan dengan Bank untuk menyelesaikan apa-apa pembayaran tunggakan di bawah kemudahan yang memberi notis kepada anda.
- (d) AmBank Islamic mempunyai hak untuk memulakan tindakan undang-undang terhadap anda dan penjamin (jika ada) dan/atau mencairkan / menghalang / tebus cagaran yang diberi (jika ada) untuk mendapatkan apa-apa amaun terhutang yang tidak dibayar di bawah Kemudahan. Tindakan undang-undang adalah termasuk dan tidak terhad kepada proses pemuflihan / penggulungan (sekiranya

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

jumlah tertunggak mencapai had tertentu). Kesan terhadap pengadilan muflis / penggulungan boleh mengakibatkan percicaraan mahkamah dan perampasan harta anda.

- (e) Tindakan undang-undang yang diambil terhadap anda boleh menjejaskan penarafan kredit yang membawa kepada kredit yang lebih sukar atau mahal.

7. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?

Jika pembayaran penuh dibuat sebelum tempoh matang, *ibra'* (*rebat*) boleh diberikan kepada anda.

8. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

Ya, perlindungan takaful diperlukan untuk melindungi aset dengan secukupnya. Anda boleh memilih untuk mengambil perlindungan takaful daripada mana-mana syarikat takaful yang diterima oleh AmBank Islamic.

9. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?

- (a) Sekiranya pelanggan tidak membuat bayaran, *AmBank Islamic* mempunyai hak rekursa ke atas anda bagi bil / invoice yang tidak dibayar.
- (b) *AmBank Islamic* boleh mengambil tindakan undang-undang jika anda tidak melunaskan bayaran anda.
- (c) *Anda mungkin terdedah kepada semua risiko turun naik pertukaran mata wang asing, kadaran dan kerugian.*

10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- (a) Seorang penjamin (atau lebih) harus disediakan, jika perlu.
- (b) Kesemua cagaran harus disediakan jika perlu dan mestilah diterima oleh Syariah.

Nota: Syarat di atas bergantung kepada keupayaan kredit anda.

11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyerat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk bantuan, anda boleh hubungi / maklumkan secara bertulis kepada Pegawai Perhubungan anda.

12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Jika anda bercadang untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:
- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau mempunyai aduan yang tidak diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK di:

AmBank Islamic Contact Centre
P.O Box No. 12617, 50784 Kuala Lumpur
Tel: (603) 2178 8888
Email: customercare@ambankgroup.com

Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50450 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465
Fax: 03-2174 1515
Website: bnmlink.bnm.gov.my

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semua pembiayaan secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Level 5 & 6,
Menara Aras Raya
(Formerly known as Menara Bumiputera Commerce)
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Tel: 03-2616 7766
E-mail: enquiry@akpk.org.my

13. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk butiran terperinci seperti manfaat, caj dan yuran produk, anda boleh melayari www.ambankgroup.com

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

<p>14. Produk-produk perdagangan secara Islam yang disediakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Resit Amanah-i • Bil Penerimaan-i • Pembiayaan Invois-i • Pembiayaan Perdagangan Mata Wang Asing-i • Pemfaktoran Rekursa Domestik-i • Pemfaktoran Sulit-i • Pemfaktoran Berturutan-i • Penyelenggaraan Lejer Jualan-i 	<ul style="list-style-type: none"> • Bil Kredit Perundingan-i • Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i • Surat Kredit-i • Jaminan Bank-i • Surat Kredit Tunggu Sedia-i • Jaminan Perkapalan-i • Kutipan Bil Masuk-i • Kutipan Bil Keluar-i
--	--

PENTING! CAGARAN ANDA MUNGKIN DICAIRKAN SEKIRANYA JADUAL PEMBAYARAN TIDAK DIPATUHI

Maklumat yang diberikan dalam Lembaran Penyataan Produk ini sah dari 01 September 2023 sehingga dikemas kini seterusnya. Sila layari www.ambankgroup.com untuk maklumat terkini.

Semua pengiraan dan kadar adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk kepada terma dan syarat.

Penafian: Amaun Kemudahan sebenar yang akan diberi oleh AmBank Islamic Berhad adalah bergantung pada penilaian kredit anda oleh AmBank Islamic Berhad. Penyampaian Lembaran Penyataan Produk ini kepada anda tidak mewujudkan sebarang kewajipan oleh AmBank Islamic Berhad untuk memberi anda apa-apa kemudahan

Saya / Kami mengakui bahawa terma utama kontrak dan tanggungan kewangan saya / kami di bawah produk kewangan ini telah diperjelas dengan secukupnya kepada saya/kami oleh wakil sah AmBank Islamic Berhad.

Nama:

No K/P:

Tarikh:

Atau

Untuk dan Bagi Pihak:

Nombor Pendaftaran:

(Penandatanganan Sah/ Pengarah)

Tarikh: